

Penyelesaian bah

■ 50 pakar dan saintis berhimpun di UiTM cari kaedah selesaikan banjir

Oleh Ahmad Isyafiq Mad Desa
am@hmetro.com.my
Shah Alam

Seramai 50 pakar serta saintis antarabangsa dan tempatan akan bekerjasama bagi mengatasi masalah banjir yang melanda negara ini melalui Pusat Penyelidikan Kawalan Banjir ditubuhkan di Fakulti Kejuruteraan Awam di Universiti Teknologi Mara (UiTM), di sini.

Naib Canselor UiTM Datuk Seri Profesor Dr Sahol Hamid Abu Bakar berkata, kerjasama itu bakal memberikan manfaat kepada negara malah membantu negara jiran seperti Filipina mengatasi banjir.

Beliau berkata, pusat penyelidikan itu mendapat kerjasama empat universiti antarabangsa seperti Colorado State University, Fort Collins, Stuttgart University, Stuttgart, Asian Institute of Technology of Thailand, Kh-long Nueng dan Indian Institute of Technology of Roor-ke, Uttarakhand.



SEBAHAGIAN peserta menghadiri IFCS2013.

“Kita tidak boleh mengelak menghadapi masalah banjir, tetapi kita mempunyai akal bagi memastikan banjir dapat diatasi, sekali gus mengurangkan kesan buruk yang terpaksa ditanggung mangsa banjir di kawasan tertentu.

“Oleh itu, kita menyediakan hampir 25 pakar dari UiTM untuk meneruskan kajian mengenai pengawalan banjir dan mendapatkan kerjasama lima pakar serta saintis daripada setiap universiti antarabangsa.

“Buat masa ini, pusat penyelidikan kita sudah menyiapkan sepenuhnya satu kertas kajian kawalan banjir membabitkan kawasan Kota Tinggi, Johor dan kita beralih ke negeri Kelantan, Pahang dan Terengganu untuk kajian



“Kita tidak boleh elak banjir, tetapi kita mempunyai akal memastikan banjir dapat diatasi.

Dr Sahol Hamid Abu Bakar

seterusnya,” katanya ketika ditemui pemberita di sini, semalam.

Terdahulu, beliau merasmikan Simposium Kawalan Banjir Antarabangsa dihadiri oleh lima panel pakar antarabangsa iaitu Prof Dr Pierre Y Julien, Dr Danniell Gunaratnam, Prof Dr M Perumal, Dr Nasehir Khan EM Yahya dan Prof Dr Mukand Singh Babel.

Dr Sahol berkata, pusat berkenaan akan menjalankan kajian banjir di setiap negeri di Malaysia dan akan tamat dalam tempoh dua tahun.

“Kita sasarkan menyiapkan setiap kajian ini dalam tempoh dua tahun untuk mengatasi masalah banjir yang semakin kerap berlaku di negara kita,” katanya.